

05/11/1997

Kempen tanam pokok gagal

SHAH ALAM, Selasa - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berpuas hati dengan pembabitan beberapa kerajaan negeri dalam kempen menanam pokok yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lapan bulan lalu.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chiew Peh, berkata walaupun sasaran sebanyak 750,000 pokok harus ditanam di seluruh negara dalam setahun sudah ditetapkan, sehingga akhir Oktober hanya 153,000 pokok atau 20.5 peratus yang sudah ditanam.

"Jika ini berterusan, negara tidak mungkin dapat mencapai sasaran tiga juta pokok ditanam menjelang tahun 2000," katanya kepada pemberita selepas Persidangan Lanskap Kebangsaan bertemakan Ke Arah Negara Taman 2005, di sini hari ini.

Persidangan itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Lanskap Negara, Institut Arkitek Lanskap Malaysia dan Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut hadir ialah kedua-dua Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid dan Peter Chin Fah Kui.

Dr Ting berkata, jumlah pokok yang ditanam mungkin lebih daripada itu, tetapi tidak dapat dinyatakan dengan tepat berikutan ada dua tiga negeri yang tidak membuat penyelarasan dan tidak menghantar laporan.

Katanya, setakat ini hanya tiga negeri yang menghantar laporan memuaskan serta mencapai sasaran melebihi 50 peratus iaitu Perak yang mencapai 93 peratus daripada 90,000 sasaran pokok ditanam setahun.

Selain itu, Perlis mencatatkan 73 peratus daripada 10,000 sasaran pokok ditanam setahun dan Negeri Sembilan sebanyak 73 peratus daripada 30,000 sasaran pokok.

"Jabatan Lanskap Negara diarah mengenal pasti masalah ini. Saya percaya antara sebab pencapaian kurang memuaskan ialah ada kerajaan negeri yang belum membuat laporan kepada kementerian.

"Ada dua tiga negeri yang kegiatan penanaman pokok kurang daripada 30 peratus dan ada yang mencatatkan kosong kerana tidak menghantar laporan sedangkan mustahil ada negeri yang tidak menanam pokok langsung," katanya.

Berikutan itu, beliau mengarahkan kerajaan negeri bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyelaraskan sebarang aktiviti penanaman pokok bagi membolehkan laporan lengkap mengenainya dihantar kepada kementeriannya setiap tiga bulan.

Beliau berkata, kegiatan menanam pokok di kawasan tertentu juga mungkin membabitkan badan bukan kerajaan (NGO), tetapi jumlah yang tepat tidak dapat dikesan kerana tiada laporan dihantar kepada PBT atau kementerian.

Menurutnya, Jabatan Lanskap Negara berusaha mendapat maklum balas dan laporan dari semua kerajaan negeri, PBT dan NGO sejak kempen menanam pokok dilancarkan.

(END)